

## **Pengaplikasian *Qawa'id Fiqhiyyah* dalam Pengurusan Alam Sekitar**

*(Qawa'id Fiqhiyyah Applications in Environmental Management)*

**Kalsom Awang & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin**

### **Abstrak**

*Amalan pengurusan merupakan satu elemen yang telah dipraktikkan sejak zaman Nabi Adam a.s. Sejarah awal menunjukkan faktor akidah, akhlak dan syariah merupakan penentu halatuju sesuatu pengurusan termasuk alam sekitar. Syariah Islam kaya dengan pelbagai panduan untuk dihayati oleh manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Sedia kita maklumi syariah merupakan teras dalam Islam dan di dalamnya mempunyai pelbagai bidang ilmu yang mempunyai kaedah-kaedah tersendiri. Antara aspek perbincangannya ialah sifat-sifat alam ciptaan Allah serta keistimewaan manusia sebagai pengurus alam yang bukan hanya melibatkan kurniaan akal dan susunan fizikal tetapi juga pembangunan ilmu yang akan membawa kepada kemakmuran alam sejagat. Justeru itu artikel ini akan membincangkan penggunaan kaedah-kaedah fiqh (*Qawa'id Fiqhiyyah*) dalam pengurusan alam sekitar dan penyelesaian permasalahan alam sekitar yang berlaku berdasarkan kaedah-kaedah tersebut. Lazimnya kebanyakan ilmuan ini memahami dan menggunapakai kaedah-kaedah fiqh ini dalam konteks ibadah khusus sahaja. Pemahaman tentang kaedah-kaedah fiqh dan relevannya dalam pengurusan alam sekitar akan dapat menyumbang ke arah pemuliharaan alam sekitar.*

**Kata kunci** Pengurusan alam sekitar, Islam, aplikasi *Qawa'id Fiqhiyyah*

### **Abstract**

*The practice of management is the one element that has been practiced since the time of Adam. Early history shows that faith, morals and sharia are the elements used for determination management direction including the environmental management. The mankind as a caliph of Allah appreciates Islamic Sharia. We acknowledged the Islam as in sharia and it has various fields of knowledge with its own set of rules. Another aspect of discussion is that the special characteristics created by Allah to mankind as the manager of the environment not only involves gifted intellectual and physical to benefit the mankind also for the development of knowledge that will lead to prosperity of the universe. Hence, this article discusses the application of the rules of fiqh (*Qawa'id Fiqhiyyah*) in environmental management and solution of environmental problems based from these methods. It was well understood by most scholars understand and the rules of jurisprudence has been applied in the context of specific acts of worship only. Understanding of the rules of fiqh and its relevance to the environmental management will be able to contribute to environmental conservation.*

**Keywords** Environment Management, Islam, *Qawa'id Fiqhiyyah Applications*

## PENGENALAN

Pendekatan atau kaedah pengurusan sesuatu perkara adalah berbeza antara kelompok manusia. Perbezaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor kepercayaan, kefahaman dan persekitaran. Secara umumnya terdapat dua pendekatan yang diamalkan oleh manusia. Pendekatan pertama dirujuk kepada golongan yang menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama bagi segala pengurusan, manakala pendekatan kedua ialah dirujuk kepada golongan yang bersumberkan keupayaan akal dan persekitaran manusia. Bagi golongan pertama Al-Quran merupakan sumber rujukan pertama dan as-Sunnah secara praktikalnya merupakan rujukan kedua. Manakala perkara-perkara semasa yang tidak terdapat dalam dua sumber utama ini akan dirujuk pula kepada pandangan *ijma' ulama'*. Dalam apa sahaja bidang pengurusan sudah pasti akan timbul permasalahan baru yang perlukan kepada pendekatan yang tersendiri. Dalam Islam pendekatan yang dianjurkan bagi berhadapan dengan perubahan semasa adalah melalui *qawaid fihiyyah* atau kaedah fiqh. Dalam konteks pengurusan alam sekitar kaedah ini amat perlu difahami dan dihayati oleh manusia sebagai pengurus alam. Berbekalkan keistimewaan yang dianugerah Allah SWT, maka manusia dilantik sebagai khalifahNya di muka bumi.

## PEMILIHAN MANUSIA SEBAGAI PENGURUS ALAM

Manusia merupakan satu-satunya makhluk Allah S.W.T yang istimewa kerana terpilih sebagai khalifahNya di muka bumi. Pemilihan tersebut merupakan satu perancangan yang telah ditetapkan seperti yang diwartakan oleh Allah SWT kepada Malaikat. Firman Allah swt bermaksud:

“Ingatlah ketika Allah berfirman kepada malaikat. Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas mukabumi”

(*al-Baqarah*: 30)

Pemilihan tersebut berkait rapat dengan status kemuliaan diri yang dianugerahkan kepada manusia berbanding dengan makhluk dari spesies haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Fakta ini termaktub dalam firman Allah SWT bermaksud:

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam. Kami angkut mereka di daratan dan di lautan. Kami berikan mereka dari rezeki yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna ke atas makhluk yang telah kami ciptakan”

(*al-Isra'*: 70)

Berdasarkan maksud ayat di atas dapat difahami bahawa Allah SWT lebih memuliakan Bani Adam berbanding makhluk lain yang wujud di muka bumi.

## Kesempurnaan Kejadian

Manusia dijadikan dalam rupa bentuk yang paling lengkap dan sempurna. Keadaan merupakan satu anugerah dan kurniaan Allah SWT yang paling istimewa terhadap

makhluKNya yang bernama manusia. Fakta ini merupakan satu hakikat yang tidak boleh dinafikan di mana terdapat beberapa ayat al-Quran yang memperakunya. Antaranya firman Allah SWT bermaksud:

“Sesungguhnya Kami ciptakan manusia itu dengan sebaik-baik ciptaan”  
(*al-Tiin: 4*)

“Dia menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah, dan Dia menentukan bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu, dan kepadaNya lah tempat kembali”

(*at-Taghabun: 3*)

Keelokan dan keindahan kejadian fizikal manusia adalah terbaik berbanding makhluk lain. Hanya orang-orang yang berakal dan mahu berfikir sahaja yang memahami keistimewaan ini. Antara kesempurnaan kejadian yang boleh direnungi bersama ialah struktur hidung dan telinga yang mempunyai cuping dan kerudung. Kita boleh bayangkan masalahnya semasa mandi atau ketika hujan sekira lubang bagi kedua anggota ini terdedah tanpa panghadang. Begitu juga dengan kewujudan kening, bulu mata, mulut dan sebagainya. Oleh kerana dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengungkap tentang kejadian pancaindera manusia. Firman Allah SWT bermaksud:

“Tidakkah Kami jadikan baginya dua mata (untuk ia memerhati kekuasaan dan kekayaan Kami?. Dan lidah serta dua bibir (untuk ia menyempurnakan sebahagian besar dari hajat-hajatnya)”

(*al-Balad: 8-9*)

Apa yang tersirat daripada dua maksud ayat di atas ialah kejadian dua mata yang mampu melihat, memerhati dan merenung ciptaan Allah SWT akan melahirkan pengabdian diri kepadaNya. Melalui kerdipan mata dapat ditafsirkan kefahaman dan melaluinya juga terpancar kegembiraan, kesayuan dan kesedihan seseorang. Manakala kurniaan lidah dan mulut adalah untuk manusia menyempurnakan hajatnya dari segi berkata-kata dan makan minum. Apa yang pasti ialah setiap kejadian anggota manusia ini mempunyai objektif iaitu untuk mendekat dan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Kesempurnaan kejadian manusia bukan hanya terbatas kepada rupa bentuk fizikal sahaja, tetapi juga daripada segi kombinasi unsur kerohanian dalam diri. Kombinasi kerohanian yang dimaksudkan ialah roh, akal dan nafsu. Sehubungan dengan ini, manusia dikurniakan kombinasi yang lengkap, sedangkan malaikat hanya dikurniakan roh dan akal, manakala binatang hanya dikurniakan roh dan nafsu (Ismail 1989) Kesimpulannya manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang lengkap dan sempurna kejadiannya.

### **Kurniaan Akal**

Akal merupakan anugerah teristimewa daripada Allah SWT kepada manusia. Konsep taklif yakni penentuan tanggungjawab ke atas seseorang juga berkait rapat dengan akal. Ini menunjukkan bahawa hanya orang berakal sahaja yang dipertanggungjawabkan

melaksanakan sesuatu ibadah kepada Allah SWT, sedangkan mereka yang tidak berakal sama ada kanak-kanak atau orang gila adalah dikecualikan. Melalui akal ini manusia dapat membezakan antara baik dan buruk, memikir dan merancang, menyelidik dan menilai sebelum melakukan sesuatu perkara. Apa yang lebih mengagumkan ialah gabungan mantap antara zikrullah dan berfikir menerusi akal ini akan membuka peluang bagi manusia untuk meningkatkan pencapaian diri menjadi *ulul albab*. Perkara ini termaktub melalui firman Allah SWT bermaksud:

“Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, peralihan siang dan malam menjadi tanda-tanda kebesaran Allah bagi *ulul albab* iaitu mereka yang mengingat Allah dalam keadaan berdiri, duduk, dan berbaring serta berfikir tentang langit dan bumi seraya berkata Tuhan kami, sesungguhnya Engkau tidak ciptakan semua ini sia-sia. Maha Suci Engkau, lindungilah kami daripada api neraka”

(*al-Imran*: 190)

Keistimewaan inilah yang menyebabkan manusia dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah Allah SWT yang enggan dipikul oleh langit, bumi serta gunung ganang. Penggunaan akal mengikut ketetapan syariat bukan hanya dapat mengimarahkan bumi yang diamanahkan oleh Allah SWT malahan dapat menghindari manusia daripada azab akhirat. Fakta ini jelas digambarkan melalui pengakuan ahli-ahli neraka seperti mana firman Allah SWT bermaksud:

“Jika sekiranya dahulu kami mendengar dan berfikir nescaya kami tidak tergolong bersama ahli neraka”

(*al-Mulk*: 10)

Begitulah pentingnya kedudukan akal menurut pandangan Islam. Allah mengurniakan akal kepada manusia bukan sekadar untuk membezakan mereka dengan binatang tetapi mempunyai makna yang lebih besar daripada itu. Manusia sewajarnya menyedari bahawa pengurniaan akal adalah menjadi punca kepada manusia untuk merenung dan memerhati dirinya sendiri dan kejadian alam, agar dengan ini mereka dapat berperanan sebagai khalifah Allah SWT.

### **Kelebihan Ilmu Pengetahuan**

Ilmu pengetahuan amat penting dalam setiap pengurusan. Oleh itu apabila Nabi Adam a.s dilantik sebagai khalifah di muka bumi, maka Allah SWT mengajari Nabi Adam ilmu berkaitan nama-nama benda secara keseluruhan. Perkara ini dijelaskan Allah SWT melalui firmanNya bermaksud:

“Dan Dia telah mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda) seluruhnya, Kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: “Sebutkan kepadaKu nama-nama benda ini jika kamu golongan yang benar”

(*al-Baqarah*: 31)

Keupayaan menamakan sesuatu benda yang dilihat merupakan sesuatu yang amat bernilai bagi manusia. Perkara ini amat penting bagi setiap pengurus apa lagi sebagai khalifah Allah SWT atau pengurus alam. Tanpa keupayaan ini akan timbul kekeliruan atau suasana kebingungan dalam menjelas sesuatu. Sebagai contoh keupayaan memberikan nama terhadap sesuatu dan juga dapat membezakan antara perkara yang khusus dan umum seperti gunung dengan bukit. Tanpa perkataan khusus ini, gunung boleh disebut sebagai bukit, malah lembah (Fazlun 1999). Berhubung dengan maksud ayat di atas, dapat dirumuskan bahawa hasil daripada ilmu yang ada pada dirinya maka Nabi Adam a.s berupaya menjawab segala persoalan yang di kemukakan Allah SWT terhadapnya. Perkara ini dijelaskan Allah SWT sebagaimana firmanNya bermaksud:

“Hai Adam, beritahulah kepada mereka nama benda-benda ini. Maka setelah diberitahu nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: “ bukankah sudah Aku katakan kepada kamu bahawa sesungguhnya Aku mengetahui rahsia langit dan bumi dan Aku mengetahui apa yang kamu lakukan dan apa yang kamu sembunyikan”  
(*al-Baqarah: 33*)

Maksud ayat di atas jelas membuktikan keupayaan Nabi Adam as dalam membuat pilihan dan seterusnya membuat keputusan dalam memberi jawapan terhadap persoalan yang diajukan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa keistimewaan seseorang manusia itu bukan hanya semata-mata bergantung kepada ketinggian ilmu yang ada pada dirinya, tetapi juga pada keupayaannya menganalisis, menghurai dan membuat rumusan terhadap sesuatu perkara yang akhirnya sampai kepada satu matlamat iaitu mengagung dan membesarkan Allah SWT. Ringkasnya, semakin mendalam ilmu seseorang tentang ketentuan hukum alam atau *sunnatullah*, maka semakin bertambah keyakinannya bahawa semua itu berlaku kerana ketentuan Allah SWT. Oleh itu tanpa adanya hubungan antara ilmu dan iman ini, manusia akan gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT.

### **Ketundukan Makhluk Lain**

Perlantikan manusia sebagai khalifah Allah SWT menjadikan makhluk lain tunduk, patuh dan akur kepada manusia. Sekalian makhluk ini tunduk secara rela kepada perintah Allah SWT untuk berkhidmat kepada manusia. Menurut Islam, semua manusia adalah dari keturunan Nabi Adam yang dimuliakan oleh Allah SWT dan dianugerahkan pelbagai keistimewaan berbanding makhluk yang lain. Berasaskan faktor ini maka manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifahNya di muka bumi iaitu mentadbir dan menguruskan alam. Bagi memudahkan manusia menjalankan tugas yang diamanahkan maka Allah SWT memerintahkan agar semua isi alam tunduk patuh kepada manusia sebagaimana Firman Allah bermaksud:

“Allah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit dan mengeluarkan dari air hujan itu berbagai buah-buahan, menjadi rezeki kamu dan Dia menyediakan bahtera bagi kamu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendaknya dan Dia telah menundukkan bagimu sungai-sungai (semuanya untuk kepentingan manusia)”

(*Ibrahim: 32*)

Maksud ayat di atas jelas menggambarkan perbezaan yang amat ketara berhubung pandangan Islam dengan kumpulan naturalist berkaitan dengan alam. Dalam Islam, manusia adalah khalifah yang diberi mandat oleh Allah untuk mengurus alam. Oleh itu dalam kalangan makhluk di alam ini, manusia adalah sebagai tuan bagi mereka yang mesti dipatuhi dan diakuri arahannya. Atas dasar ketuanan itulah maka Allah SWT menundukkan segala isi alam kepada manusia. Tanpa adanya ketundukan makhluk-makhluk ini sudah pasti manusia sukar untuk melaksanakan tugas pengurusan bumi. Buktinya untuk kemudahan pengangkutan maka Allah SWT terapungkan kapal-kapal yang berat. Begitu juga dengan binatang-binatang yang buas dapat dijinakkan dan tanaman yang ditanam tetap tumbuh subur tanpa penjagaan rapi. Semua ini merupakan satu perkhidmatan dan pengorbanan serta penghormatan semua makhluk ini terhadap manusia.

## SIFAT-SIFAT ALAM MENURUT ISLAM

Ajaran Islam menolak secara mutlak kewujudan sifat-sifat ketuhanan bagi alam sehingga perlu dipuja oleh manusia. Malahan sebaliknya alam itu sendiri diperintah mendambakan diri kepada manusia sebagai tanda kepatuhan mereka kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Kepatuhan alam terhadap ketetapan Allah dapat dilihat dan diukur melalui ketundukan mereka terhadap sifat-sifat positif yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas mereka. Antara sifat-sifat tersebut adalah seperti berikut:

### Azwaj

Azwaj bermaksud simetri atau berpasangan. Segala yang wujud di alam ini sama ada yang dapat dilihat atau sebaliknya adalah wujud secara berpasangan. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud :

“Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada daripada yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, atau dari apa yang mereka tidak mengetahuinya ”

(*Yaasin*: 36 )

Sifat berpasangan ini membawa maksud kewujudan dua entiti atau polariti yang bertentangan sifatnya. Sebagai contoh bagi manusia, lelaki pasangannya perempuan, dan begitulah juga bagi binatang iaitu jantan dan betina. Sifat berpasangan bagi spesies ini dijelaskan oleh Allah SWT dengan firmanNya yang bermaksud :

“Dialah yang mencipta langit dan bumi, Ia menjadikan bagi kamu pasang-pasangan dari jenis kamu sendiri dan menjadikan dari jenis binatang-binatang berpasangan-pasangan bagi binatang-binatang itu”

(*as-Syura*:11)

Selain itu sifat berpasangan ini juga berlaku pada tumbuhan dan pokok-pokok dan ianya diciptakan secara berpasangan daripada jantan dan betina bagi membiak dan mengekalkan perkembangan spesiesnya. Firman Allah yang bermaksud:

“Yang telah menjadikan bagimu sebagai hampan dan telah menjadikan bagimu di bumi itu jalan-jalan, dan menurunkan dari langit air hujan. Maka tumbuhkan dengan air hujan itu berjenis-jenis (pasangan) dari tumbuhan yang bermacam-macam”

(Taha: 53)

Sifat *azwaj* iaitu berpasangan ini adalah penting bagi menyempurnakan sistem peredaran alam semesta. Kehidupan isi alam tidak akan sempurna dan berkembang tanpa wujudnya kehidupan berpasangan. Lautan yang luas terbentang akan sempurna apabila wujudnya daratan, begitu juga dengan peralihan siang kepada malam yang juga merupakan pelengkap kepada kehidupan manusia. Antara maksud ayat-ayat lain yang menggambarkan alam bersifat *azwaj* ialah firman Allah SWT yang bermaksud :

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu”

(Ibrahim, 14: 32-33)

Ayat di atas menggambarkan sifat *azwaj* bagi alam ini iaitu pasangan bagi langit ialah bumi, bagi matahari pasangannya ialah bulan, begitu juga dengan malam iaitu pasangannya ialah siang. Semua jenis pasangan ini dijadikan Allah untuk kepentingan dan manfaat seluruh kehidupan di muka bumi. Bayangkan jika saban waktu di suatu tempat penduduknya hanya berhadapan dengan keadaan malam yang berpanjangan tanpa kemunculan matahari sebagai tanda siang, manakala di suatu tempat lain pula berhadapan dengan siang tanpa kehadiran malam. Sudah tentu fenomena seperti ini akan menggugat dan timbul masalah kepada seluruh kehidupan. Oleh itu manusia sebagai pentadbir alam sewajarnya memahami bahawa komponen alam semesta ini tidak akan berfungsi secara bersendirian. Setiap kejadian atau ciptaan ini mempunyai pasangan yang tidak boleh dipisahkan dan manusia sebagai pengurus tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya mengubah sifat *azwaj* ini. Untuk itu Islam melarang pencerobohan terhadap kehidupan berpasangan ini sama ada terhadap haiwan atau manusia. Sebagai contoh Islam melarang spesies haiwan tertentu dikurung, apa lagi dalam keadaan bersendirian yakni tiada pasangan baginya seperti mengurung spesies ikan, burung dan sebagainya. Rumusannya, lumrah hidup berpasangan bagi setiap hidupan tidak boleh digugat atau dicerobohi kerana melaluinya akan terbentuk satu kehidupan yang tawazun iaitu seimbang

## **Tawazun**

*Tawazun* bermaksud seimbang iaitu sesuatu yang kadarnya tidak terlebih atau terkurang. Kesimetrian yang wujud di alam ini membentuk tawazun atau keseimbangan iaitu suatu fenomena yang tidak melampau. Allah SWT menjadikan makhlukNya dengan sifat keseimbangan dan disertai dengan ukuran yang sesuai dengan tujuan untuk

kelangsungan hidup mereka. Hukum keseimbangan ini juga terdapat dalam diri manusia sendiri, umpamanya daripada sudut sains kesihatan iaitu ketidak kesimbangan tekanan darah, paras gula dalam darah, perimbangan sel darah dan sebagainya akan menggugat kelancaran hidup seseorang dan jika dibiarkan berterusan akan menjadi penyebab kepada berakhirnya hayat seseorang. Berhubung dengan ini, dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*, Ibn Sina telah mengutarakan konsep dinamisme keseimbangan kesihatan iaitu keadaan keseimbangan kesihatan wujud dalam julat tertentu yang berada antara takat maksimum dan minimum. Ini merupakan sebahagian daripada konsep *tawazun* dalam ciptaan Allah SWT, umpamanya tumbuh-tumbuhan secara fitrahnya melepaskan gas oksigen, manakala manusia dan haiwan pula menyedutnya. Seterusnya manusia dan haiwan pula melepaskan gas karbon dioksida, tumbuhan pula menyedutnya. Keseimbangan ini akan terus berlaku apabila khazanah alam terus terpelihara. Perkara ini secara jelas dinyatakan oleh Allah SWT yang bermaksud :

“Dan tidak ada sesuatu pun melainkan pada sisi Kami sahaja khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa tertentu”

(Al-Hijr: 21)

Terdapat ayat Al-Quran yang menyebut secara khusus bahawa unsur alam ini telah ditentukan kadarnya sebagai contoh kadar air hujan yang diturunkan untuk kehidupan segala makhluk. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi, dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya”

(al-Mukminun: 6)

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahami bahawa kadar air hujan yang diturunkan adalah seimbang dengan keperluan seluruh makhluk sama ada manusia, flora, fauna dan lain-lain. Oleh itu apabila pergondolan gunung ganang dilakukan secara tidak beretika maka lebih air akan berlaku dan menghasilkan takungan air dalam tanah. Keadaan ini berlaku kerana ketiadaan penyerapan air oleh tumbuhan terutama pokok-pokok besar. Fenomena ini akan mengundang kepada berlakunya masalah tanah runtuh dan banjir lumpur.

Keseimbangan yang ditentukan Allah SWT menjadikan alam berada dalam keadaan selamat dan terkawal, sebagai contoh nisbah kandungan oksigen di udara ditetapkan Allah SWT sebanyak 21 peratus dan seandainya nisbah tersebut sebanyak 50 peratus, maka ini mendedahkan isi bumi kepada kebakaran semasa berlaku kilat atau petir. Begitu juga dengan cahaya matahari iaitu cahayanya diturunkan dengan ukuran atau sukatan yang berpatutan, iaitu tumbuh-tumbuhan dapat tumbuh dan subur pokok-pokok atau tanaman-tanaman. Sekiranya kepanasan cahaya tersebut ditinggikan daripada sukatanya maka tentulah alam ini akan binasa. Bentuk keseimbangan seperti ini tidak mungkin berlaku secara kebetulan atau spontan bahkan dengan perancangan Allah SWT (Haron 1988).

Seterusnya Al-Quran juga menyebut keseimbangan ciptaan Allah pada spesies tanaman-tanaman yang tumbuh memenuhi kawasan gunung-ganang. Keseimbangan



ini jelas tergambar pada kepelbagaian jenis tumbuhan yang tumbuh mengikut kadar dan nisbah yang ditetapkan. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan bumi ini Kami bentangkan dia, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang teguh berdiri, serta kami tumbuhkan padanya sesuatu yang tertentu timbangannya ”  
(*al-Hijr*, 19)

Kawasan gunung-ganang ini dipenuhi dengan hutan-hutan yang terdiri daripada pelbagai spesies tumbuhan daripada pokok-pokok besar, pokok-pokok kecil seperti paku pakis dan seterusnya kepada pokok-pokok yang hidup dengan menjalar dan memanjat pokok-pokok lain. Keseimbangan pada kehidupan ini merupakan *sunnatullah* dan keadaan ini akan berterusan berjalan dengan baik sehingga tercetusnya gangguan yang menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan terhadap alam. Oleh itu Allah SWT telah menurunkan syariat sama ada dalam bentuk suruhan dan larangan bertujuan untuk menghalang tercetusnya gangguan terhadap keseimbangan tersebut. Sebagai contohnya bagi memastikan keseimbangan dalam kehidupan manusia maka Allah SWT mensyariatkan perkahwinan dan mengharamkan pembunuhan terhadap anak-anak. Untuk itu Al-Quran memaparkan kutukan Allah SWT terhadap pembunuhan anak-anak lelaki seperti yang berlaku di zaman Firaun dan juga kutukan terhadap pembunuhan anak-anak perempuan yang berlaku di zaman jahiliah. Kutukan terhadap perkara di atas bertujuan untuk mengawal keseimbangan zuriat manusia.

Selain daripada itu Islam menggesa manusia agar mengekalkan identiti masing-masing melalui pengharaman terhadap perkara-perkara yang dilarang Allah SWT seperti penukaran jantina, penyerupaan lelaki kepada perempuan dan sebaliknya. Larangan ini mempunyai matlamat tersendiri iaitu bertujuan bagi mengelak gangguan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Begitu juga larangan Islam terhadap penerokaan hutan hujan tropika untuk projek perladangan dan pembangunan, projek penambakan laut dan apa sahaja eksploitasi terhadap alam boleh mengganggu keseimbangan alam. Kesan ketidakseimbangan ini menyebabkan berlakunya bencana alam seperti pemanasan global, ribut taufan, gempa bumi, banjir dan sebagainya. Allah SWT Yang Maha Mengetahui lagi bijaksana lebih maklum tentang tabiat manusia, lantaran itu amaran awal telah diberi agar manusia tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menggugat keseimbangan alam. Peringatan ini terkandung dalam firman Allah SWT bermaksud:

“Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan mizan (neraca) itu. supaya kamu jangan melampaui batas tentang mizan itu’  
(*al-Rahman*: 7-8)

Oleh itu manusia sebagai khalifah Allah SWT sepatut mengkaji dan mendalami kandungan Al-Quran sebelum mengkaji dan menerokai alam sekitar. Apabila konsep ini difahami maka mereka tidak akan melampaui *mizan* yang ditetapkan dan dengan ini ekosistem akan berjalan dengan baik dan seimbang. Sudah pastinya seluruh kehidupan akan berada dalam keadaan terbelah dan berkembang mengikut *sunnatullah*.

## Nasim

Seluruh alam ini mempunyai sifat *nasim* atau segar dan ianya merupakan lambang rahmat Allah SWT kepada kehidupan. Kesegaran alam ini dapat dirasai melalui tiupan angin dan penurunan air hujan. Sifat nasim ini turut digambarkan oleh Al-Quran melalui kesuburan tanah yang menampilkan kehijauan dan kesuburan tumbuhan di kawasan lembah dan gunung ganang (Muhd Zuhdi & Amer Saifude 2002). Begitu juga dengan deruan ombak di pantai, kesegaran pandangan mata terhadap suasana kejernihan dan kebiruan air laut. Air merupakan sumber bagi segala kehidupan dan melaluinya juga hidupan merasai kelegaan dan kesegaran. Melalui air manusia merasai kelegaan dari kehausan dan kesegaran selepas mandi, begitu juga dengan tumbuhan iaitu dengan siraman air ia menghidupkan benih dan menghasilkan kesuburan pokok melalui kehijauan warna yang melambangkan kesegaran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih berganti malam dan siang, bahtera yang belayar di lautan membawa muatan berguna bagi manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati.

(*al-Baqarah: 164*)

Alam sekitar yang segar dan bersih amat penting bagi manusia untuk pertumbuhan mental, fizikal dan jiwa yang aman. Oleh kerana itu telah menjadi tradisi dan adat masyarakat Arab pada zaman dahulu apabila setiap anak yang lahir di bandar akan dihantar dan disusukan di kampung yang suasananya indah, tenang dan udara yang bersih serta segar. Rasulullah SAW sendiri telah dihantar oleh ibunya ke suatu perkampungan dan disusui oleh Halimah binti Abi Zuwaib. Baginda tinggal di sana selama empat tahun dan menjadi seorang yang cergas, sihat dan bijak menunggang kuda (Norhibah 1999). Kesegaran alam semula jadi berkait rapat dengan manusia dan dapat memberikan ketenangan dan kedamaian pada jiwa mereka. Selain daripada zikrullah, Al-Quran juga menyarankan kaedah alternatif untuk mengurangkan ketegangan yang dialami seseorang. Antara kaedah tersebut ialah dengan berkhawatir atau bersendirian di tempat tertentu yang mempunyai unsur kesegaran alam. Firman Allah SWT bermaksud:

“Maka Maryam hamillah, lalu ia memencilkan diri dengan kandungannya itu ke sebuah tempat yang jauh ”

(*Maryam: 22*)

Ayat di atas menggambarkan tentang keadaan seorang wanita yang tertekan jiwanya lantaran kerana mengandung tanpa suami. Untuk merawat jiwanya itu beliau telah memencilkan diri di suatu tempat yang jauh daripada orang ramai. Apa yang ingin diketengahkan di sini ialah tempat yang dipilih oleh Maryam itu mempunyai ciri-ciri kesegaran seperti air sungai yang bersih dan mengalir serta di kelilingi dengan pepohon tamar yang buahnya sedang masak segar. Perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT melalui ayat seterusnya yang bermaksud:

“Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya: Janganlah engkau berdukacita (wahai Maryam), sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai. Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah yang masak. Maka makan dan minumlah serta bertenang hatilah dari segala yang merungsingkan.....”

(*Maryam: 24–26*)

Berdasarkan beberapa maksud ayat di atas dapat dirumuskan bahawa sifat alam yang bersih dan segar memainkan peranan penting terhadap perkembangan diri manusia sama ada dari segi mental, fizikal dan emosi. Dengan ini dapat membantu manusia agar lebih ceria dan tenang dalam menjalankan tugas sebagai khalifah Allah SWT. Oleh itu kesegaran dan kebersihan alam ini sewajarnya dijaga dan dipelihara oleh manusia.

### **Jamal**

Sifat alam seterusnya ialah *jamal* yang bererti cantik dan indah. Konsep cantik dan indah dalam Islam mengandungi makna yang luas merangkumi keindahan pada pandangan dan perasaan. Sifat alam yang indah ini akan menyedapkan mata yang memandang (Muhd Zuhdi & Amer Saifude 2002). Umpamanya faktor warna bagi spesies tertentu akan memberikan kesedapan kepada mata yang memandang. Contohnya warna kuning tua bagi lembu adalah lebih menyedapkan mata memandang berbanding dengan warna lain. Perkara ini diperakui oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

“Mereka berkata: Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami apa warnanya. Musa menjawab “ Sesungguhnya Allah berfirman bahawa sapi betina itu yang kuning, yakni yang kuning tua warnanya, yang menyenangkan orang-orang yang memandangnya”

(*al-Baqarah, 2: 69*)

Selain keindahan pandangan yang digambarkan melalui fauna, al-Quran juga mengajak manusia menelusuri pandangan kepada pelbagai spesies tumbuhan. Perkara ini jelas dinyatakan Allah melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan kamu melihat bumi ini kering. Dan apabila Kami turunkan air ke atasnya, hiduplah bumi itu dan menumbuhkan berbagai macam tumbuhan yang indah ”

(*al-Hajj: 5*)

Selain daripada menghayati keindahan alam melalui pandangan mata kasar, keindahan juga dapat dihayati melalui perasaan. Kadangkala sesuatu perkara itu tidak begitu indah pada pandangan tetapi ianya begitu menarik perasaan dan menghibur hati. Sebagai contoh seorang petani terhibur perasaannya apabila melihat kesuburan tanaman padinya. Manakala seorang pengembala pula terhibur hatinya melihat ternakannya sihat, gemuk dan membiak. Firman Allah bermaksud:

“Dan bagi kamu pada binatang ternakan itu keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang) dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi)

(*an-Nahl: 6*)

Al-Qur'an menyebutkan bahawa kejadian tumbuhan, haiwan serta isi alam merupakan zinah atau perhiasan untuk manusia. Untuk itu Al-Quran juga mengingatkan manusia agar sentiasa berwaspada berhubung perkara ini. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dihiaskan (dijadikan alam ini indah) kepada manusia kesukaan kepada perkara-perkara yang dingini nafsu, wanita- wanita, anak pinak, harta benda yang berpikul-pikul, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia. Dan ingatlah pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (Syurga)”

*(Ali Imran: 14)*

Daripada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa sifat alam yang indah ini merupakan anugerah Allah kepada manusia sebagai khalifahNya di muka bumi. Menikmati suasana yang indah akan dapat mencerikan minda serta membantu menenangkan perasaan. Faktor-faktor ini penting sebagai sokongan bagi manusia untuk mentadbir alam. Untuk itu Allah SWT Yang Maha Mengetahui telah mencipta dan memperlengkapkan alam ini dalam keadaan serba indah. Oleh itu, manusia sebagai pengurus alam, sewajarnya menjaga dan mengekalkan keindahan tersebut agar ianya dapat dinikmati dan dihayati oleh generasi pengurus akan datang.

### **Tunduk Patuh dan Bertasbih Kepada Allah**

Selain daripada memiliki sifat-sifat fizikal yang positif, alam juga memiliki sifat kerohanian yang amat tinggi iaitu mereka sentiasa tunduk patuh dan bertasbih kepada Allah SWT. Dalam al-Quran terdapat beberapa surah yang dimulai ayatnya dengan pernyataan bahawa segala isi langit dan bumi bertasbih kepada Allah SWT. Antaranya firman Allah SWT bermaksud:

“Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah dan Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

*(al-Hadid: 1)*

“Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah dan Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”

*(al-Hasyr: 1)*

“Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi sentiasa mengucap tasbih kepada Allah; bagi Nyalah kuasa pemerintahan dan bagi Nyalah segala pujian; dan Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

*(at-Taghabun: 1)*

Maksud ayat-ayat di atas membuktikan bahawa segala isi langit dan bumi sama ada fauna yang terdiri daripada haiwan yang berterbangan atau yang melata (dabbah) atau flora (nabat), makhluk yang kaku tidak bergerak (jamadat) seperti batu, besi dan sebagainya sentiasa bertasbih kepada Allah SWT. Walaupun banyak dan kuatnya mereka bertasbih, namun tasbih mereka itu tidak didengari dan difahami oleh manusia. Hakikat pernyataan ini di nyatakan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya sentiasa mengucap tasbih bagi Allah. Dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya, akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha penyabar, lagi Maha Pengampun”

(*al-Israa: 44*)

## **Fana**

Fana bermaksud tidak kekal dan ini bermakna seluruh makhluk akan binasa. Kehidupan manusia dan makhluk-makhluk lain di alam ini adalah sementara sahaja. Semuanya akan berakhir apabila tiba masanya dan bagi yang hidup ia akan berakhir dengan kematian. Terdapat banyak ayat yang menjelaskan perkara ini antaranya seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tiap-tiap diri akan merasai mati, kemudian kamu akan dikembalikan kepada kami (untuk menerima balasan)”

(*al-Ankabut: 57*)

Pastinya setiap makhluk yakni segala yang diciptakan akan berakhir samada ada kematian, mengalami kemusnahan atau kepupusan. Hanya Khaliq yakni Pencipta Alam ini sahaja yang kekal tidak binasa. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Dzat Allah. Baginyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan)”

(*al-Qasas: 88*)

## **KAEDAH-KAEDAH FIQH (*QAWAID FIQHIIYAH*) DALAM PENGURUSAN ALAM SEKITAR**

Islam adalah agama yang mudah dan sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Dalam pengamalan hukum Islam, terdapat kaedah-kaedah tertentu yang telah digunapakai bagi melaksanakan sesuatu perkara supaya ia tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sesuai dengan sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qias, maka ruang perbincangan sesuatu hukum terbuka luas mengikut peredaran zaman dan masa tetapi masih lagi dalam ruang lingkup yang tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Pintu ijtihad telah digunakan sepenuhnya oleh para ulama yang mujtahid bagi membincangkan perkara-perkara baharu yang memerlukan kepada satu hukum yang disepakati untuk kesejahteraan manusia sejagat kerana wahyu Allah telah berakhir selepas kewafatan Rasullullah SAW.

*Qawaid Fiqhiyyah* adalah antara ilmu yang muncul bagi membincangkan permasalahan hukum yang berlaku. Penggunaan kaedah ini bukan hanya terhad kepada soal hukum yang berkaitan dengan ibadat semata-mata akan tetapi dapat digunakan dalam konteks yang lebih luas termasuklah dalam aspek pengurusan alam sekitar.

Ini disebabkan alam sekitar amat penting bagi kesejahteraan hidup manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. *Qawaid Fiqhiyyah* terdiri daripada dua perkataan iaitu *Qawaid* dan *Fiqhiyyah*. Dari segi bahasa, *qawaid* adalah jama' dari perkataan Arab kaedah yang bermaksud asas atau dasar. Ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar (asas-asas) Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): “Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), Sesungguhnya Engkau lah yang Maha mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Menurut al-Zamarkasyi kaedah dari sudut bahasa bermaksud asas dan asal kepada apa yang di atasnya. Ia juga membawa maksud asas rumah dan asas-asas lainnya (Al-Syeikh Ahmad 1998) Penggunaan perkataan kaedah daripada segi bahasa membawa maksud yang pelbagai namun ia membawa kepada satu pengertian iaitu asal dan asas. Dalam kamus *Lisan al-Arab* menyatakan kaedah adalah asas. Secara umumnya, perkataan kaedah pada sudut bahasa ialah asal dan asas sama ada dalam sudut penggunaan semasa atau dalam ilmu kaedah-kaedah Islam ataupun kaedah ilmu (Muhammad al-Ruki 1998). Dari segi istilah, kaedah bermaksud hukum kulli (umum) yang dipraktikkan kepada semua hukum juz'i (terperinci) untuk mengetahui hukum daripadanya. Contohnya *al-Amr* atau suruhan asasnya bermaksud wajib (Abdul Latif & Rosmawati 2000) Ia juga bermaksud hukum kulli yang dipraktikkan ke atas keseluruhan masalah juz'iyah (Subhi 1968). Selain itu kaedah bermaksud hukum yang secara umumnya terpakai ke atas kebanyakan masalah-masalah juz'iyah (Mustafa 1968).

Manakala *Fiqhiyyah* pula berasal dari perkataan *al-Fiqh* yang bermaksud *al-Fahmu* iaitu suatu kefahaman. Dari sudut istilah pula *Qawaid Fiqhiyyah* bermaksud prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Ia juga bermaksud kaedah-kaedah hukum yang bersifat kulliyah yang diambil daripada dalil-dalil kulli iaitu daripada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Rumusannya, *Qawaid Fiqhiyyah* ialah kaedah-kaedah fiqh dalam undang-undang Islam yang menjadi asas untuk memahami dan mengembangkan fiqh Islam (Muhd Zuhdi & Amer Saifude 2002). Justeru itu, *Qawaid Fiqhiyyah* adalah ilmu yang penting dalam ilmu-ilmu Islam kerana ia merupakan antara ilmu yang dibincangkan dalam fiqh Islam oleh para pengkaji fiqh. Dengan *Qawaid Fiqhiyyah* juga seorang pengkaji fiqh dapat memahami dan mengetahui sesuatu hukum dengan terperinci dan meluaskan pemikirannya dalam perkara yang berkaitan dengan syariat.

## PEMBAHAGIAN KAEDAH-KAEDAH FIQH (*QAWAID FIQHIYYAH*)

Menurut mazhab Syafie, terdapat lima kaedah yang telah disepakati untuk digunakan dalam permasalahan hukum dan kelima-limanya merupakan “ibu segala kaedah fiqh (Hasan & Mohd. Salleh 2002). Ia adalah:

- i. Setiap perkara bergantung kepada niat
- ii. Keyakinan tidak terhapus dengan keraguan

- iii. Kesulitan mengundang kesenangan
- iv. Kemudaratan dihapuskan
- v. Adat kebiasaan dijadikan sumber hukum

### Setiap Perkara Bergantung Kepada Niat

Niat membawa erti seseorang memaksudkan sesuatu atau meqasadkan sesuatu dan disertai dengan perbuatan khususnya untuk mencari keredaan Allah SWT (Ibn Nujaym & Zayn al-'Abidin 1998). Kaedah ini membawa maksud setiap perkara dinilai dengan melihat kepada motif dan matlamat yang akan diperolehi. Ia juga bermaksud setiap perkara atau perbuatan dinilai dan bergantung kepada niat seseorang. Dengan itu, setiap amalan yang dilakukan oleh *mukallaf* bergantung kepada apa yang diniatkannya (al-Syeikh Ahmad 1998). Kaedah ini juga membawa maksud amalan dan tindakan seseorang sama ada perbuatan atau pun perkataan, hukumnya adalah berbeza kerana berbeza tujuan dan amalan seseorang dan tindakannya atau pun hukum-hukum syarak dalam setiap perkara dan urusan manusia akan terbentuk berdasarkan tujuan atau niat di sebaliknya. Ini kerana matlamat penting niat disyariatkan adalah untuk membezakan amalan ibadat dan adat serta membezakan taraf ibadat antara sesama manusia (Hasan & Mohd. Salleh 2002). Ia juga bermaksud setiap amalan sama ada pahala atau dosa bergantung kepada niat pembuatnya dan cetusan hatinya (*qasad*) (Muhamad al-Ruki 1998). Kaedah ini terbit daripada hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya setiap pekerjaan itu diambil kira berdasarkan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang ingin diperolehinya, atau kerana wanita yang ingin dikahwininya, hijrahnya itu berdasarkan apa yang ia hijrahkannya”

(Riwayat Bukhari)

Setiap perkara yang dilakukan oleh manusia terikat dengan apa yang diniatkan oleh mereka. Niat adalah perkara utama bagi menentukan setiap amalan manusia mendapat pahala ataupun dosa malahan dalam menentukan halal dan haram (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Jadi, niat merupakan faktor utama penentuan amalan seseorang sama ada baik atau buruk. Dalam Islam kebaikan sesuatu amalan tidak hanya bergantung kepada aspek luaran semata-mata tetapi juga berkait rapat dengan aspek dalaman iaitu keikhlasan hati semata-mata kerana Allah SWT. Contoh yang boleh dikemukakan dalam aspek alam sekitar iaitu:

- i. Pembakaran pokok untuk tujuan penanaman semula dengan niat menjimat kos atau mengelak pembaziran adalah ditolak kerana asap yang dilepaskan ke udara boleh mencemarkan alam sekitar walaupun niat melakukan penanaman semula adalah baik. Ini kerana terdapat inisiatif lain dalam melaksanakan perkara tersebut.
- ii. Pembinaan projek perumahan untuk keperluan manusia boleh diterima tetapi pada masa yang sama kesejahteraan alam sekitar perlu dipelihara dan sebarang kerosakan kekal yang boleh menjejaskan ekosistem hidupan bumi sewajarnya dielakkan.

- iii. Nelayan mencari rezeki yang halal tetapi dengan cara menuba ikan tidak boleh diterima kerana menuba ikan boleh membunuh banyak spesies-spesies ikan yang tidak diperlukan dan boleh mendatangkan musibah kepada manusia serta menimbulkan masalah pencemaran air.
- iv. Menerima habuan dan rasuah dalam meluluskan sesuatu projek pembangunan yang berfaedah adalah ditolak kerana rasuah sendiri diharamkan dalam Islam walaupun pembangunan yang dibuat bermanfaat untuk rakyat.

Keikhlasan dalam melakukan sesuatu amat penting kerana tanpanya hati dan akal akan dikuasai oleh nafsu. Apabila keadaan ini berlaku maka akan berlaku pertembungan nilai apa yang dikehendaki oleh Allah SWT dengan apa ditafsirkan oleh manusia. Perkara ini secara jelasnya dinyatakan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka, janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang yang mengadakan pembaikan”  
(*al-Baqarah*: 11)

### **Keyakinan Tidak Terhapus Dengan Keraguan**

Maksud kenyataan tersebut ialah perkara yang telah diyakini berlaku apabila timbulnya keraguan yang meragui keyakinan itu tidak akan dikira. Dengan kata lain perkara asal dan yakin tidak boleh ditinggalkan hukumnya disebabkan oleh sebarang syak atau keraguan (Muhd Zuhdi & Amer Saifude 2002). Sekiranya seseorang itu yakin sesuatu perkara dan ditetapkan hukumnya, kemudian berlaku syak atau keraguan terhadap keyakinan tersebut, maka keyakinan asal masih kekal dan tidak perlu beramal atau berpegang dengan perasaan syak yang wujud dalam diri (Muhamad al-Ruki 1998). Kaedah ini terbit antaranya daripada sabda Rasullullah SAW yang bermaksud:

“Apabila seseorang kamu ragu-ragu ketika sembahyangnya, ia tidak ingat berapa rakaatkah yang telah dilakukannya, tiga atau empat, hendaklah ia ketepikan keraguan tersebut dengan keyakinan dan berpegang dengan apa yang meyakinkan”  
(*Riwayat Muslim*)

Kaedah di atas adalah amat relevan dalam konteks penjagaan alam sekitar. Contoh yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan di lereng atau di atas bukit adalah antara projek yang berisiko tinggi yang bakal mengundang masalah. Begitu juga dengan usaha pembalakan dan penggunaan tanah di kawasan bukit untuk tanaman jangka pendek. Terdapat pelbagai akta berkaitan pencemaran air dan pemuliharaan tanah digubal bagi menjaga alam sekitar. Umpamanya akta Pemuliharaan Tanah (Bahagian 111) mengenai kawalan kelodakan dan hakisan. Seksyen 5 menyatakan tanah bukit tidak boleh ditanam dengan tanaman jangka pendek termasuk sayur-sayuran melainkan sekiranya diberi kebenaran (Jamaluddin 1996). Akta tersebut dikeluarkan bertujuan menjaga alam sekitar dan sewajarnya dipatuhi. Dapatan yang jelas dan tepat berdasarkan kajian telah ditemui. Oleh itu sebarang



- keraguan berkaitan perkara ini sewajarnya ditolak dan diketepikan demi mengelak musibah terhadap harta benda dan nyawa manusia.
- ii. Membuang sampah atau sisa toksik ke dalam laut atau sungai diyakini boleh memusnahkan hidupan dan meracuni air perlu dielakkan.
  - iii. Pembalakan tidak terancang terbukti menyebabkan suhu bumi menjadi panas dan berlakunya tanah runtuh hendaklah dihindarkan.
  - iv. Perancangan bandar perlu kepada pembangunan yang teratur kerana jika sebaliknya boleh menyebabkan berlakunya banjir kilat.
  - v. Pembakaran hutan dan sampah sarap secara terbuka pasti akan mencemarkan udara dan menyebabkan jerebu yang perlu dihindarkan.

### **Kesulitan Mengundang Kesenangan**

Kaedah ini bermaksud apabila timbul sesuatu kesusahan atau kesulitan dalam menunaikan dan melaksanakan perintah Allah, perintah itu diringkaskan bukan seperti asalnya (Al-Syeikh Ahmad 1998). Ia juga membawa maksud supaya syariat Islam dapat dilaksanakan dalam setiap masa dan keadaan bila-bila masa dan di mana-mana sahaja iaitu dengan memberi kelonggaran dan keringanan ketika seseorang itu mengalami kesempitan dan kesukaran. Kaedah ini antaranya berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjukNya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur”

(*al-Baqarah* : 185)

Selain itu, terdapat juga sabda Rasulullah SAW. yang dapat disesuaikan dengan kaedah ini iaitu:

“Permudahkanlah dan janganlah menyukarkan”

(Riwayat Bukhari)

Dengan dalil-dalil tersebut, maka dengan jelas menunjukkan bahawa agama Islam membawa konsep kemudahan serta memberi keringanan kepada umatnya bukan kesempitan dan kesusahan dengan syarat mestilah menentukan kesusahan yang menjadi sebab keringanan (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Contoh-contoh yang boleh dikemukakan untuk kaedah ini ialah:

- i. Penyembelihan terhadap binatang tertentu wajib dilakukan sebelum dimakan. Namun dalam keadaan tertentu, jika terdapat kesukaran menangkap bintang tersebut kewajipan sembelihan dikecualikan. Umpamanya dihalalkan memakan binatang yang mati kerana dipanah, ditembak atau kerana binatang perburuan umpama anjing dengan syarat diniatkan semasa melepas anak panah, menembak atau semasa melepas binatang perburuan tersebut (Muhamad Ismail t.th).

- ii. Dihalalkan memakan binatang yang mati dalam kandungan akibat ibunya disembelih dengan syarat anak dalam kandungan tersebut sudah sempurna pembentukannya dan sudah bernyawa (Muhamad Ismail t.th).
- iii. Islam menganjurkan umatnya supaya membudayakan amalan *sadaqah*. Namun begitu tidak semua orang mampu bersadaqah melalui harta. Oleh itu terdapat alternatif lain yang boleh dilakukan. Contohnya lafaz ” takbir”, ”tahmid” dan ”tahlil” adalah sadaqah. Selain itu menyuruh kepada kebaikan dan melarang melakukan kejahatan juga merupakan sadaqah. Begitu juga dengan hasil tanaman yang dimakan oleh manusia atau bintang juga merupakan sadaqah (Mustafa 2005). Ringkasnya, setiap kebaikan yang dilakukan oleh seseorang itu adalah merupakan *sadaqah*. Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tiap-tiap kebaikan adalah sadaqah”

- iv. Islam adalah agama yang praktikal. Berpegang dan merujuk kepada perkara asas atau dasar adalah menjadi satu kewajipan bagi umat Islam. Namun dalam perkara-perkara sekunder, Islam memberi kelonggaran kepada umatnya agar merujuk kepada kepakaran profesional dalam bidang-bidang tertentu. Umpamanya mengitar semula bahan buangan untuk digunakan kembali adalah diharuskan dalam Islam.

### **Kemudaratan Mesti Dihapuskan**

Kaedah ini bermaksud sekiranya berlaku kemudaratan maka ia wajib dihilangkan. Ia juga bermaksud sesuatu yang boleh menyebabkan dan mendatangkan bahaya mesti dihapus dan dihindarkan serta mesti dihilangkan (Al-Syeikh Ahmad 1998). Oleh itu, kerosakan dan kemudaratan kepada diri sendiri dan juga orang lain tidak boleh dilakukan malah wajib dihindarkan atau dihilangkan termasuk yang berkaitan dengan hak umum. Jumhur ulama juga menetapkan bahawa segala yang boleh memudaratkan kaum muslimin wajib dijauhi (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Kaedah ini lahir antaranya daripada firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepadaNya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik ”

(Surah al-A’raf: 56)

Sabda Rasulullah SAW.:

“Tidak ada mudarat dan tidak memudaratkan”

(Riwayat Ahmad dan Hakim)

Contoh yang boleh disesuaikan dengan kaedah ini dalam konteks alam sekitar ialah :

- i. Penggunaan racun serangga, pembuangan sisa toksik dan penggunaan senjata kimia dalam peperangan perlu dihindari kerana apa sahaja yang boleh menyebabkan kecederaan, kematian, keracunan, kepupusan dan lain-lain hendaklah dihapuskan.
- ii. Diharuskan membunuh binatang yang boleh mengancam keselamatan manusia contohnya binatang yang menyerang manusia dan berbisa serta dijangkiti penyakit dan sebagainya. Namun begitu pembunuhan tersebut terbatas kepada binatang yang menimbulkan masalah kepada manusia sahaja bukan untuk dibunuh dengan sewenang-wenangnya.
- iii. Mendalamkan sungai untuk mengelakkan banjir besar melanda boleh dilaksanakan.
- iv. Mengalirkan atau menyalurkan air kotor rumah ke jalan umum perlu dielakkan kerana mendatangkan masalah kepada orang ramai serta boleh merosakkan jalan.
- v. Membina lebuh raya di kawasan yang berisiko berlaku tanah runtuh dan menimbus sungai untuk membina jalanraya perlu dielakkan.

### **Adat Kebiasaan Dijadikan Sumber Hukum**

Adat kebiasaan bermaksud perkara yang diulang-ulang menurut kebiasaan sesuatu golongan mengikut cara tertentu dan diterima secara logik (Al-Syeikh Ahmad 1998). Ia juga bermaksud apa yang menjadi amalan kebiasaan orang ramai atau segolongan dalam kalangan mereka. Keseluruhannya, adat ialah apa yang telah dikenal oleh manusia yang menjadi suatu kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan mereka sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Kaedah ini bermaksud adat kebiasaan dapat ditetapkan sebagai hukum atau adat menentukan hukum. Ulama telah menetapkan bahawa *uruf* dan adat kebiasaan merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam keadaan ketiadaan nas (Ibn Nujaym & Zayn al-'Abidin 1998). *Uruf* bermaksud sesuatu yang telah dikenali oleh manusia atau masyarakat dan menjadi kebiasaan kepada mereka mematuhi sama ada perkataan, perbuatan dan juga perkara-perkara yang mereka tidak lakukan (Hasan & Mohd. Salleh 2002). Sekiranya *uruf* atau adat kebiasaan bercanggah dengan nas maka ia akan ditolak kerana menetapkan *uruf* dan adat kebiasaan yang buruk dengan mengenyepikan nas bertentangan dengan syariat Islam. Contohnya adat Jahiliyah yang mengharuskan anak lelaki mewarisi atau mengahwini ibu tirinya (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Para ulama telah menjadikan *uruf* sebagai salah satu asas bagi pembinaan hukum. Sesetengah ulama berpendapat asas kaedah ini lahir daripada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Terimalah apa yang mudah dilakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)”

(*al-A'ra*: 199)

Kaedah ini juga berdasarkan hadith Rasullullah SAW yang bermaksud:

“Apa yang dinilai oleh kaum muslimin itu baik, ia adalah baik di sisi Allah, dan apa yang dinilai buruk oleh kaum Muslimin, buruklah ia di sisi Allah”

(al-Hakim)

Walaupun *uruf* boleh dijadikan sumber hukum tetapi sebenarnya ia bukan dalil yang berasingan atau sumber hukum yang tersendiri. Malahan, ia perlu dirujuk kepada dalil-dalil syarak yang benar kerana *uruf* tidak boleh mencipta hukum bersama Allah dan tiada siapa pun yang mempunyai autoriti mengenakan hukum kecuali Allah. Apabila hukum syariat meletakkan *uruf* sebagai salah satu cabang mengeluarkan hukum, ia adalah keringanan dan rahmat Allah yang menurunkan syariat dan Allah adalah sumber hukum yang sebenarnya, bukannya *uruf* menjadi hukum yang datang seiring dengannya. Ini kerana apabila Allah mengizinkan membina hukum dengan *uruf* maka keizinan Allah adalah sumbernya dan bukan *uruf*. Maka *uruf* sebenarnya tidak lebih dari kaedah fiqh yang dapat diambil faedah darinya ketika pelaksanaan hukum-hakam dan tidak akan meningkat kepada tahap sumber atau dalil (Hasan & Mohd. Salleh 2002). Rumusannya, segala perkara adat kebiasaan yang tidak bercanggah dengan akidah, syariat dan akhlak dapat diterima dan diamalkan dalam masyarakat. Antara syarat untuk *uruf* boleh dijadikan hukum adalah seperti berikut:

- i. *Uruf* tidak berlawanan dengan nas syarak.
- ii. *Uruf* telah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh dan meluas.
- iii. *Uruf* yang digunakan dalam sesuatu tindakan sudah wujud ketika melakukan tindakan tersebut, iaitu *uruf* telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga masa berlakunya tindakan itu.
- iv. Tidak wujud perkataan atau perbuatan yang jelas menyalahi *uruf*.

Di antara contoh alam sekitar yang boleh dikaitkan dengan adat boleh dijadikan hukum ialah:

- i. Memakan “*dhab*” yang menjadi amalan masyarakat tertentu di Tanah Arab diperakui oleh Islam.
- ii. Usaha pendebungaan dan kacukan pada pokok bagi meningkatkan hasil dibenarkan oleh Islam.
- iii. Menjadikan daun-daun tumbuhan sebagai ulam dan pokok serta akar kayu sebagai herba untuk perubatan dan kesihatan tubuh badan.
- iv. Menggunakan daun-daun tumbuhan sebagai atap rumah atau untuk membungkus makanan bagi masyarakat Melayu.
- v. Pembayaran upah atau gaji sebelum pekerjaan tersebut siap dilakukan atau sebelum sampai tempoh masa.

## KESIMPULAN

Manusia dibekalkan Allah dengan akal dan hati untuk berfikir dan merasa. Selain itu, mereka juga dikurniakan anggota untuk berusaha dan bertindak. Kesepaduan antara menyerah kepada Allah dan berusaha akan memantapkan lagi sistem pengurusan yang ada di muka bumi ini. Setiap perkara yang akan dilakukan oleh manusia mesti selaras dan menepati syariat dan berpandukan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadith. Kaedah-kaedah fiqh (*Qawaid Fiqhiyyah*) amat penting untuk difahami oleh setiap manusia, terutamanya oleh mereka yang terlibat secara langsung dengan aspek pengurusan termasuklah pengurusan alam sekitar. Tanpa kefahaman ini akan berlaku pelbagai perkara negatif terhadap kehidupan. Namun apa yang penting, kaedah-kaedah ini adalah salah satu langkah atau cara untuk membincangkan sesuatu hukum berdasarkan keadaan yang berlaku, bukan lagi menetapkan hukum kepada perkara-perkara tertentu. Justeru itu, dengan meluasnya penggunaan kaedah-kaedah fiqh dalam pelbagai lapangan akan dapat membantu manusia menguruskan alam ini dengan sebaiknya sesuai dengan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Jelasnya, kaedah-kaedah fiqh ternyata membantu dalam pengurusan alam sekitar selaras dengan kehendak syariat supaya alam sekitar yang ada tidak dieksploitasi sewenang-wenangnya dan menyedarkan manusia akan tanggungjawab memelihara alam sekitar untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2000. *Perbahasan kaedah-kaedah fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Al-Syeikh Ahmad al-Syeikh Muhammad al-Zarqa. 1998. *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Fazlun M. Khalid. 1999. *Islam dan ekologi*. Petaling Jaya: Ultimate Print.
- Hasan Ahmad & Mohd. Salleh Ahmad. 2002. *Usul al-Fiqh, Qawaid al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid.
- Haron Din. 1988. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Ibn Nujaym & Zayn al-'Abidin Ibrahim. 1998. *al-Asybah wa al-Naza'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*, c. 1, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ismail Abdul Rahman. 1989. *Konsep dan kedudukan bangsa pilihan menurut agama Islam dan agama Yahudi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1996. *Impak pembangunan terhadap alam sekitar*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Zuhdi Marsuki & Amer Saifude Ghazali. 2002. *Etika alam sekitar daripada perspektif Islam, timur dan barat*. Bentong: PTS Publicationoans & Distributor.
- Muhammad al-Ruki. 1998. *Qawaid al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muhammad Ismail Daud Patani. t.th. *Mat'aul Badrin wa Majma'ul Bahrin*. Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah dar al-Ma'arif.
- Muhammad Noor Hashim & Abdullah Basmeh. 2000. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Mustafa Abdul Rahman. 2005. *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya)*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa'. 1968. *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*. Jil. 2., Damsyik: Matbaah Tarabin.
- Norhibah Hasan Zawawi. 1999. *Konsep Islam terhadap pemuliharaan alam sekitar*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafah al-Tasyr 'i'fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Ilmi lil Malayin.